# PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU,

TINGKAT 11, WISMA DARUL IMAN,
20200 KUALA TERENGGANU.

---

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TR. 2/1988
Tatacara Pengiraan Cukai Tanah
di bawah seksyen 96(1)(b) Kanun Tanah Negara.

Arahan ini dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada Pentadbir-pentadbir Tanah tentang tatacara Pengiraan Cukai Tanah di bawah Seksyen 96(1)(b) Kanun Tanah Negara (KTN). Seksyen tersebut menyatakan:-

> "If the said rate relates to any unit of area other than hectare, any fraction of that unit shall be counted as complete unit".

2. Seandainya sebidang tanah seluas 0.1104 hektar diluluskan kepada LLN untuk kegunaan tapak stesyen janaeletrikn dan terletak dalam tanah desa dalam kawasan Majlis Daerah mak perkiraan yang perlu dilakukan ialah:-

a) Keluasan hektar ditukar kepada meter persegi. Luas tanah menjadi 0.1104 x 1000 = 1104 meter persegi.

b) Berdasarkan seksyen 96(1)(b) KTN, luas tanah disifatkan sebagai 1200 meter persegi.

c) Lihat kadar cukai akan dikenakan. Dalam contoh di atas kadarnya mengikut Peraturan Tanah Terengganu 1966 (pindaan 1983) 12(3)(c)(iii) ialah $6.00 bagi 100 meter persegi.

d) Perkiraan cukai, $\frac{1200 \times \$6.00}{100} = \$72.00$

3. Mengikut Webster's New World Dictionary, second college edition, William Collins Publishers, Inc. 1980, takrif 'unit' adalah 'any fixed quantity, amount, distance, measure etc,' . Jadi, ' a complete unit yang dimaksudkan oleh seksyen 96(1)(b) KTN hendaklah didasarkan kepada 'a complete unit' yang ditetapkan di dalam peraturan Tanah Terengganu 1966 (pindaan 1903). Dan dalam keadaan di atas ianya adalah 100 meter persegi dan BUKANnya 1 meter persegi.

4. Dengan adanya panduan ini, adalah diharap Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah memberi perhatian khasnya semasa mengangkat laporan dan syor bagi kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

saya yang menurut perintah,

(TENGKU SERI INDERA RAJA)
PENGARAH TANAH DN GALIAN,
TERENGGANU.

EDARAN

1. YB. Setiausaha Kerajaan
2. YB. Pegawai Kewangan Negeri.
3. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri.
4. Ketua Pengarah Tanah dan Galian.
5. Ketua Odit Negeri, Terengganu.
6. Pentadbir Tanah Daerah, Kuala Terengganu.
7. Pentadbir Tanah Daerah, Besut.
8. Pentadbir Tanah Daerah, Dungun.
9. Pentadbir Tanah Daerah, Hulu Terengganu.
10. Pentadbir Tanah Daerah, Kemaman.
11. Pentadbir Tanah Daerah, Marang.
12. Pentadbir Tanah Daerah, Setiu.

SALINAN

1. Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Pendaftaran).
2. Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Settlement).
3. Pengurus Komputer PTG Terengganu.
4. Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Am)
5. Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Penguatkuasa)
6. Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Latihan)
7. Penolong Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran)
8. Ketua Penolong Pentadbir Tanah Daerah, kuala Terengganu.
9. Ketua Penolong Pentadbir Tanah Daerah, Besut.
10. Ketua Penolong Pentadbir Tanah Daerah, Dungun.
11. Ketua Penolong Pentadbir Tanah Daerah, Hulu Terengganu.
12. Ketua Penolong Pentadbir Tanah Daerah, Kemaman.
13. Ketua Penolong Pentadbir Tanah Daerah, Marang.
14. ketua Penolong Pentadbir Tanah Daerah, Setiu.

PTG.TR. 13/66/1 Jld.3.
Tarikh: 28hb. Jan, 1988.
Bersamaan: 8hb. Jamadil-Akhir 1408.